

# PELUANG UNTUK SEMUA

Peluang saksama untuk berjaya sepanjang hayat



## Anugerah MENDAKI

Kriteria baru diperkenalkan agar selaras dengan perubahan dalam landskap pendidikan dan supaya anugerah ini kekal relevan. Pada 2019, pencapaian cemerlang 516 pelajar diiktiraf.



## Anugerah Gemilang MENDAKI

Diperkenalkan pada 2019 untuk mengiktiraf individu yang memberi kesan positif kepada kehidupan orang lain. Para individu ini mencerminkan ciri 3K

- **Keperibadian, Kemahiran dan Kewarganegaraan** – nilai-nilai yang membina sebuah Masyarakat Gemilang.



## Bulan Raikan Ilmu Pertama

Pesta pembelajaran Raikan Ilmu dianjurkan selama sebulan pada Oktober 2019 untuk memupuk minat belajar dan cinta pada ilmu, tidak kira latar belakang dan usia. Lebih 30,000 pengunjung serta pelbagai aktiviti.

